

22/09/1997

Peraturan mata wang kekal

HONG KONG, Ahad - Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan tidak berhasrat membuat sebarang perubahan berhubung undang-undang dan peraturan mengenai urus niaga dagangan tukaran mata wang asing di Malaysia.

Menegaskan bahawa Malaysia tetap komited dengan liberalisasi sektor kewangan, Timbalan Perdana Menteri berkata, apa yang disuarakan oleh Malaysia kepada masyarakat kewangan antarabangsa selama ini ialah perlunya kajian menyeluruh oleh pihak tertentu mengenai kegiatan spekulasi berlebihan terhadap mata wang.

"Kita tidak langsung akan membuat sebarang perubahan itu. Apa yang dimaksudkan oleh Dr Mahathir semalam ialah wujud keperluan yang mendesak untuk mengkaji kesan negatif berikutan spekulasi yang berlebihan terhadap mata wang dan ini akan dibuat menerusi IMF sebagai satu forum," katanya kepada wartawan di sini hari ini.

Anwar diiringi Datin Seri Dr Azizah Wan Ismail tiba di sini hari ini untuk menghadiri Mesyuarat Tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa dan Bank Dunia (IMF-Dunia) yang akan bermula, di sini Selasa ini.

Akhbar mingguan Sunday Morning Post, dalam laporan temu bual khasnya dengan Perdana Menteri hari ini menyebut Datuk Seri Dr Mahathir sebagai berkata, Malaysia akan mengehadakan urus niaga tukaran mata wangnya untuk pembiayaan perdagangan saja.

Akhbar itu melaporkan, Malaysia sudah memutuskan untuk tidak mahu membiarkan sistem sedia ada diteruskan kerana negara berpendapat ia tidak mendatangkan sebarang manfaat.

Anwar berkata, beliau sudah membaca laporan itu dan mendapat penjelasan daripada Perdana Menteri mengenainya.

Ditanya sama ada laporan akhbar itu akan menjejaskan pasaran tukaran mata wang asing esok, Anwar berkata: "Tidak... tiada sebab kerana saya rasa apa yang dilaporkan tidak tepat."

Mengenai komitmen Malaysia meliberalisasikan sektor kewangan Malaysia, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata: "Kita sudah melakukan dan komited terhadap proses itu."

Beliau berkata, komitmen Malaysia terhadap liberalisasi tidak perlu dipersoalkan tetapi apa yang lebih penting ialah wujudnya keperluan untuk melindungi kepentingan negara membangun dalam proses itu seperti yang ditegaskannya di Bangkok, baru-baru ini.

(END)